

**PERUTUSAN MUFTI
SEMPENA E-HARI RAYA
SELASA, 16 JUN 2020, 3:30 PETANG
“ASATIZAH BERWAWASAN, MASYARAKAT BERDAYA TAHAN”**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله على إحسانه، والشكر على توفيقه وامتنانه، والصلاة والسلام على عبده

ورسوله الداعي إلى رضوانه، صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا.

أما بعد ...

- Yang Dihormati, Al-Fadhil Ust Hj Pasuni Maulan, Naib Pengerusi Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) serta seluruh anggota ARB
- Timbalan-timbalan Mufti, para Asatizah dan Ustazat yang dirahmati Allah swt

Sebagai pembuka bicara, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun

*Burung Tempua Bersarang Rendah
Sarang Diyanam Dengan Teliti
Nasihat Agama Pesanan Indah
Sebarkan Salam Setulus Hati*

Assalamu'alaikum Wr Wb

Semoga Asatizah sekalian berada di dalam kesihatan dan kesejahteraan. Bersempena bulan Syawal yang mulia ini, saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

من العائدين والفائزين والمقبولين، وكل عام وأنتم بخير تقبل الله منا ومنكم صالح الأعمال

2 Terima kasih di atas kesudian Asatizah untuk menghadiri sesi ini walaupun kami tidak dapat menyiapkan juadah dan kuih-muih Hari Raya seperti lazimnya, apatah lagi ini kali pertama saya menyambut Hari Raya bersama Asatizah di dalam tugas baru saya. Memang sedih kita tidak dapat menegur-sapa secara langsung. Namun, saya yakin kita setuju bahawa keselamatan perlu diutamakan. Di atas segala kekurangan ini saya memohon maaf Zahir dan Batin. Semoga pertemuan kita dengan niat yang ikhlas akan menambah kemeriahan di dalam suasana Syawal yang sangat luarbiasa ini.

3 Saya sangat bersyukur kerana sentiasa didampingi para Asatizah yang berdedikasi, kuat kesabaran serta daya tahan, kekal bersatu serta tangkas membuat penyesuaian tatkala masyarakat memerlukan panduan. Tidak kira sama ada graduan dan yang baru bertugas mahupun Asatizah lebih berpengalaman dan mapan di peringkat kepimpinan.

4 COVID-19 telah menguji kemampuan dan kesediaan kita. Untuk mengharungi realiti baru ini, kita perlukan minda yang positif, corak pemikiran yang betul dan kerohanian yang teguh serta daya tahan yang tinggi. Saya bangga serta optimis dengan kemampuan ramai Asatizah dan juga anggota masyarakat Islam dalam membuat penyesuaian dengan cepat dan cekap, dan terus menyebarkan sifat rahmah dan berbakti dalam apa suasana sekalipun.

5 Di peringkat kepimpinan keagamaan, banyak isu yang tidak pernah kita hadapi perlu ditangani dan memerlukan keputusan yang berat lagi sukar. Setentunya akan timbul rasa kesunyian dan kekhuatiran, apabila

kita tidak menemui pandangan atau contoh yang sedia ada, baik di dalam turath mahupun di kalangan 'ulama kontemporari. Para 'ulama kita membuat penilaian sendiri, dengan mengambilkira konteks dan keadaan Singapura. Begitulah peranan kepimpinan keagamaan yang telah lama dipupuk oleh Asatizah mapan serta Masyayikh seperti mantan-mantan Mufti, Jawatankuasa Fatwa, dan kepimpinan ARB.

6 Mereka bukan sahaja komited and penuh dedikasi untuk membimbing umat Islam Singapura, tetapi berwawasan dan berpandangan jauh serta bersikap proaktif dan berkeyakinan tinggi untuk mengambil keputusan yang menjaga kemaslahatan umum, walau berat bagaimana sekalipun. Sebagai contoh, di dalam tempoh singkat mengalami krisis ini, Jawatankuasa Fatwa telah mengeluarkan 4 Fatwa, Pejabat Mufti pula telah memberikan panduan di dalam bentuk Irsyad bagi banyak perkara, dan ramai Asatizah bertungkus-lumus memberi penjelasan dan semangat kepada masyarakat.

7 Kepimpinan yang berpaksikan pemahaman konteks dan situasi penting untuk memberi solusi bermakna dan berkesan bagi masyarakat. Kita dapat saksikan bagaimana penyesuaian pengamalan agama sangat perlu tatkala wabak COVID-19 mula menular. Meskipun pada mulanya ada suara-suara lantang yang melahirkan rasa kecewa dan tidak puas hati, lebih-lebih lagi kerana kita pada waktu itu merupakan di antara yang pertama menutup masjid, kepimpinan agama berserta sokongan padu dari para asatizah tetap tegas dengan keputusan yang diambil. Kita yakin dengan penilaian dan ijtihad yang kita lakukan demi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Bayangkan jika sekiranya kita telah meragui keputusan yang dibuat dan melengahkannya – bayangkan jika kita membiarkan pandangan sinis lagi negatif berleluasa, seperti virus ini

bala' Tuhan bagi sesuatu kaum, ataupun kita bertawakkal sahaja tanpa mengambil *asbab*, atau dengan cara menolak sains dan perubatan dan langkah berjaga-jaga? Apakah agaknya kesudahan warga emas dan masyarakat kita? Bagaimanakah tanggapan umat manusia dan masyarakat am terhadap agama kita?

8 Namun Alhamdulillah, berkat usaha, keyakinan serta kebersamaan kita, hasil positif sudah mula berbuah. Keputusan yang pada mulanya asing dan diragui, kemudiannya menjadi sesuatu yang turut dipraktikkan oleh banyak jika tidak semua negara lain, sama ada penutupan masjid untuk solat fardhu, solat Jumaat, solat hari raya hinggalah penangguhan ibadah haji. Saya kira ini cukup meyakinkan kita akan kemampuan para 'ulama kita sendiri di dalam menghasilkan panduan agama yang berpandangan jauh dan boleh dijadikan rujukan masyarakat Islam antarabangsa. Dalam melakarkan pemikiran agama untuk masa hadapan, kita perlu untuk terus yakin, berani dan terus bersatu menyokong satu sama lain demi mencari huraian bagi kemaslahatan masyarakat kita.

9 Sikap peduli serta keprihatinan Asatizah terhadap masyarakat adalah di antara asas utama tugas kita semua. Kita perlu terus sensitif serta bersikap ihsan dengan keadaan masyarakat, dengan benar-benar memahami cabaran dan kepayahan yang mereka lalui, dan memikirkan cara terbaik untuk membantu dan menyokong usaha baik mereka. Inilah warisan yang ditinggalkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. seperti yang disifatkan Allah S.W.T. di penghujung Surah At-Taubah (Ayat 128) yang berbunyi:

﴿لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم بالمؤمنين رؤوف رحيم﴾

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri, berat terasa olehnya penderitaan kamu, sangat menginginkan (kebaikan) bagi kamu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang yang beriman”

10 Di dalam memikirkan kesan COVID-19 ke atas kebajikan dan ekonomi masyarakat, Jawatankuasa Fatwa bertanya bagaimanakah institusi agama seperti zakat dapat membantu? Persoalan ini membuahkan pemikiran baru untuk meluaskan lagi pemahaman dan aplikasi lapan asnaf zakat, agar mereka yang terjejas pendapatan layak menerima zakat. Pemahaman sedemikian memelihara Maqasid zakat di dalam konteks masakini. Saya suka untuk memaklumkan bahawa di atas saranan Jawatankuasa Fatwa, Muis sedang mengusahakan skim bantuan dan butirannya akan diberikan pada masa akan datang.

11 Sikap peduli serta keprihatinan ini juga dapat melahirkan pengamalan agama yang mekar dan berhikmah. Apabila masjid-masjid ditutup, ramai yang terjejas secara langsung. Dengan kepimpinan agama yang prihatin, penghayatan kerohanian masyarakat tetap tidak terjejas. Solat berjemaah, takbir raya dan ibadat lain tetap dilaksanakan, walaupun di kediaman masing-masing sebagai ganti. Masyarakat juga terus membayar zakat dan menderma secara dalam talian, serta membantu para pekerja asing sepanjang Ramadan. Ramai Asatizah menyahut cabaran memindahkan kuliah mereka ke platform online. Ada yang telah berjaya mewujudkan saluran tertentu, seperti Masjid Al-Islah menerusi platform IslahTV mereka. Banyak pula yang tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan di dalam menjayakan program dakwah di saluran Pergas serta SalamSG. Waktu kami di Muis menjemput para Asatizah untuk menyampaikan tazkirah online, tidak ada seorang pun yang

menolak. Semua ingin terus membimbing masyarakat, khusus di dalam suasana yang sangat mencabar ini. Walaupun kita dipukul ombak COVID-19, ia tidak mengurangi atau melemahkan identiti (هوية) masyarakat Islam dan tidak pula menjejaskan pengamalan Syiar Islam di tanahair Singapura.

12 Bahkan, krisis ini telah melahirkan perspektif yang tidak kurang luarbiasanya pada pandangan saya. Agama terpapar sebagai sumber kekuatan bagi masyarakat dan negara – bukan menjadi hambatan dan sebab kelemahan mahupun kelesuan. Ia melahirkan kebaikan, memperbaiki hubungan, membawa ketenangan dan menjana sumbangan. Ia mengajar kita untuk bersabar dan bersikap positif, dan mencari hikmah di sebalik ujian. Apabila kita berjalan seiring dengan masyarakat, kita menjana kekuatan yang terhasil dari kesatuan dan kepimpinan yang cermat serta berhemah. Inilah keadaan masyarakat pada hari ini yang berdaya tahan dan mampu untuk membuat penyesuaian dalam mengekalkan penghayatan dan amalan agama di Singapura. Kekuatan ini harus kita pelihara dan kekalkan, dan mesti kita lindungi bersama dari sesiapa sahaja yang cuba melemahkannya. Kerana itulah kita perlu terus membina kepimpinan Asatizah seterusnya yang berkeyakinan, berwawasan, dan mampu untuk terus membimbing masyarakat kita dalam apa jua situasi yang mencabar.

13 Asatizah sekalian, saya yakin kita masih mempunyai tenaga, kemahuan dan semangat mempertingkatkan lagi ilmu, kemahiran dan disiplin yang tinggi untuk memimpin masyarakat di dalam dunia pasca COVID-19. Banyak lagi cabaran yang menanti. Walaupun rasanya letih kerana krisis ini, kita tidak seharusnya lesu. Seperti pepatah Melayu; *“Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan”*.

14 Skim ARS adalah satu anugerah besar yang boleh meningkatkan lagi kesediaan kita. Ia telah diasaskan oleh guru-guru kita dan Asatizah mapan Singapura untuk memelihara integriti golongan agamawan tempatan. Dengan perubahan serta konteks yang berbeza, kita juga perlu membuat penyesuaian dan peningkatan. Sebagai contoh, saya pasti Asatizah bersetuju pentingnya kita meningkatkan kemahiran berdakwah menggunakan teknologi. Insha-Allah, ARS akan menyediakan lebih banyak kursus CPE secara online dengan rangka kerja (framework) yang diperhalusi bersesuaian dengan dunia pasca COVID-19. Ia akan membantu Asatizah membina keupayaan baru dan mempertingkatkan kesediaan bagi masa hadapan. Program CPE Kod Etika akan dilancarkan secara dalam talian pada bulan Julai ini agar lebih ramai dapat mengikutinya secara virtual. Begitu juga beberapa kursus-kursus lain yang meningkatkan kemahiran digital dan yang bersesuaian dengan dunia masa depan akan disiapkan.

15 Saya akur tema perubahan dan penyesuaian bukan suatu yang mudah didengar dan dibincangkan. Ia boleh menimbulkan kekhuatiran kerana naluri manusia suka kepada kebiasaan. Saya sendiri sering khuatir dan risau. Tetapi sememangnya tanggungjawab kita bersama untuk memimpin dan memandu masyarakat di dalam dunia yang berubah-ubah, dan kita bersyukur kerana intipati dan roh Syari'at itu bersifat dinamik. Turath dan tasawwur Islam juga mengajak kita memandang jauh ke hadapan. Kita tidak mempunyai pilihan kecuali membuat penyesuaian dan membangun norma-norma baru (عادة دينية جديدة) yang berteraskan prinsip-prinsip dan maqasid agama.

16 Beberapa kebiasaan atau yang dipanggil norma lama perlu diperhalusi. Sebagai contoh, kita perlu menjaga jarak selamat (safe distancing) di dalam ibadat berjemaah. Ini bermakna ada jarak dan kerengangan di dalam saf solat, solat Jumaat perlu diadakan beberapa sesi kerana keterbatasan jumlah jemaah yang boleh memasuki masjid, kurangnya masa kita di masjid dan sebagainya. Kita harus memanfaatkan keluasan dan keanjalan (السعة والمرونة) Syariat Islam untuk menyediakan alternatif. Norma-norma ini perlu sehinggalah kita dapat mengatasi cabaran penularan COVID-19 dengan sempurna.

17 Saya ingin mengajak para Asatizah sekalian untuk bersama-sama merapatkan saf Kepimpinan Agama yang bersepadu dalam mencorak norma kehidupan keagamaan yang positif dan membina pasca Covid – 19. Usaha-usaha ini memerlukan tenaga dan sumbangan semua lapisan Asatizah, kerana inilah medan perjuangan kita selanjutnya. Janganlah kita menjadi hambatan kemajuan masyarakat dengan menyibukkan mereka dengan isu-isu khilafiyah yang membawa kepada kesengketaan dan kebencian sesama mereka. Masa itu sudah berlalu, kerana umat manusia berhadapan dengan isu-isu yang sangat kritikal hari ini yang boleh mengancam keselamatan nyawa.

18 Allah S.W.T. Maha Mengetahui hikmah dan kebaikan yang tersirat di sebalik segala ketentuannya. Begitu juga kebaikan yang terlahir dari krisis ini. Walaupun impak dan kesannya sangat mendalam, ia juga menyedarkan kita akan kekuatan yang boleh kita perkukuhkan dan suburkan lagi. Jika kita memainkan peranan dengan penuh berkesan, Insha-Allah kita dapat menjadi contoh terbaik bahawa kehidupan beragama boleh terus mekar dan segar walaupun kehidupan sukar lagi mencabar.

Para Asatizah Sekelian,

Selanjutnya izinkan saya untuk meneruskan ucapan di dalam Bahasa Inggeris.

Dear fellow Asatizah,

Thank you for joining us in this humble but I hope meaningful celebration of Hari Raya (Eid). May Allah S.W.T. accept all our deeds and gather our hearts to continue serving our community.

2 I am deeply thankful that I get to work with and am well-supported by Asatizah who are forbearing, passionate, resilient, and can adapt well to challenges. Some are fresh graduates, some are seasoned Imams and mosque officers, and some are very senior leaders. I truly appreciate this as we face unprecedented issues that have tested our spiritual, mental and even economic resilience. In dealing with many of these issues, there were no points of reference or examples we could simply adopt, whether from our traditions or contemporary scholarship. Many would forgive us for feeling worried and doubtful in making difficult decisions. But it is our responsibility to guide our community – we must find the right solutions based on our own situation and context. Our scholars did not wait for others to decide for them – they took ownership of these challenges and provided steady, calm and measured responses and guidance.

3 Such crises and difficult times require readiness, wisdom and foresight. Imagine if we had wavered and hesitated – if we gave in to misconceptions that we are an ummah that only trust in Allah and have tawakkal and shall not fear a pandemic – and if we gave in to calls to put our religious needs above and beyond health and medical advisories.

Things would have been very different today – our elderly would have suffered like in many other countries, and so too would people’s perception of our religion and community. The decisions we took focused on social responsibility, and soon became replicated around the world. This should give us confidence of our own religious thinking and leadership and this can serve as a point reference for other Muslim communities.

4 We do this not because we want to be recognised here or anywhere else. We do this because we love and care for our community and we want the best for them in these challenging times. A confident and caring religious leadership full of empathy and compassion is the pillar of a successful and thriving religious community. We need to be sensitive to, and mindful of, the needs of our community and think of ways to help and support them. Our Prophet was a leader who felt the pain of his people and was compassionate and merciful towards them at all times.

5 It is in this spirit that the Fatwa Committee had thought of ways to alleviate the difficulties experienced by families who have lost their means of income due to COVID-19. The Committee had suggested for the interpretation and application of the 8 asnaf to be expanded to include this group, to uphold the maqasid of zakat under today’s circumstances. I am pleased to announce that Muis is coming up with a support scheme based on this fatwa and details will be shared soon.

6 One of the significant outcomes of a sound religious leadership is a community that is resilient in face of difficult challenges. Our community has been greatly affected but I am very thankful and proud of how our community has risen above this crisis. They did not allow COVID-19 to

dampen their spirituality, or to weaken their religious identity or to affect their religious lives. They actively sought for alternatives to adapt, progress and do good. They chose optimism and opportunities over resignation and hopelessness. Alhamdulillah, we should be grateful of this and continue to bring forth this progress further.

7 Our journey, however, is far from over. We need to prepare for a future that will be more challenging. But we must continue to persevere even when the crisis is tiring us out. We need to constantly adapt and adjust to new religious norms, such as the need to maintain a safe distance even in worship, and to adjust some parts of our usual habits and practices so that we reduce the risk of COVID-19. I am very mindful of the worry and anxiety due to the drastic changes in our religious practices. But our Shariah is dynamic, progressive and flexible. This allows us to think of solutions. We need everyone to be on board and support one another, and not to be a hindrance to our community's progress. I would like to urge all of you to join hands in thinking and coming up with solutions, and in supporting our work as we guide our community.

8 To prepare ourselves better, we must also continue to upgrade our knowledge and skills to operate in a post-COVID 19 world. I am glad to note that ARS is making some adjustments in this regard. It will provide more CPE courses online, such as the Code of Ethics course, and it will include more courses that will prepare you with new skills to survive and succeed in a post-COVID 19 environment.

9 Through this crisis, we have discovered some of our strengths as a community. We must therefore continue to be grateful to Allah s.w.t. the Most Wise. I wish to take this opportunity to thank you for your

contributions to the Muslim community. You inspire us with your resilience and confidence in thriving in very difficult times. Let us remain united in paving the road ahead and in ensuring that our religious life continues to be vibrant and meaningful come what may.

Now, let me share the summary of my speech in Arabic.

إن جائحة الكوفيد ظاهرة صحية لم يسبق لها مثيل في عالمنا المعاصروهي تعم أنحاء العالم وبدأت تؤثر على كافة جوانب الحياة – ولا سيما – من ناحية الحياة الدينية.

2 ففي سنغافورة، فمنذ أن واجهنا الجائحة في بداية هذه السنة 2020م، لقد كرس الجميع – حكومة وشعبا – كل ما لديهم من جهود في التصدي لهذه الجائحة؛ ومن بينهم القيادة الدينية المسلمة فيها (أو ما نسميها بهيئة الأساتذة)

3 يا أيها الأساتذة الأحبة، إن القيادة الدينية الحالية – وأنتم جزء منها – لها دور هام ومركزي وذلك لكي يستقيم أمر المجتمع وتستقيم ممارستهم الحياة الدينية طبقا لروح الشريعة السمحة ومقاصدها العامة، خصوصا في أثناء مواجهة التحديات الكبيرة مثل جائحة الكوفيد-19، وقد اتخذنا قرارات حرجة في أثناء مواجهتها كإصدار الفتاوى والإرشادات في قضايا هامة كمثل فتوى إغلاق المساجد وتعليق الجماعات وتأجيل أداء فريضة الحج لهذه السنة، وكذلك الإرشاد الديني عن الإجراءات الاحترازية لمنع انتشار الوباء كمثل التباعد الآمن والاكتفاء بما اشتهر بعد ذلك بـ"سلام المفتي". كل هذه الإرشادات التي أصدرتها القيادة

الدينية في سنفافورة تلقاها المجتمع بكل ثقة. فمن أعماق قلوبنا نود أن نشكركم كل الشكر على كل ما قد بذلتم من جهود في إرشاد وتربية وتوجيه المجتمع.

4 فلنبن على هذه القوة ونحن نستعد لاستشراق المستقبل المشرق ولإنشاء بعض العادات الدينية الجديدة والبائل المناسبة المبنية على الفهم الصحيح لروح تعاليم الإسلام ومقاصد الشريعة الإسلامية والتصور الإسلامي السليم. هذه العادات والبائل المحتاج إليها ونحن نحمي المجتمع من آثار الجائحة إنما تقوم على مبدأ السعة والمرونة التي تتمتع بها الشريعة الإسلامية ولا تتعارض مع توجيهات أهل الاختصاص في العلوم الطبية والصحية.

5 أود أن أؤكد في هذه المناسبة المهمة بأن الخطاب الديني في المستقبل هو بناء القدرات والمهارات لمواجهة القضايا الحرجة التي تمس مصير الإنسانية جمعاء. وهذا البناء يتطلب القوة العقلية في تكوين الاجتهادات الدينية المستجدة، والقوة الروحية في نشر الرحمة والخير للآخرين، والقدرة على الصمود والتكيف في مواجهة الأوضاع المضطربة والمتغيرة، فمن باب أولى أن نجتنب الخوض في الكلام عن المسائل الخلافية الفرعية لأنها ليست من أجندة الخطاب الديني ما بعد الكوفيد-19. هذه المسائل قد انتهينا وتجاوزنا عن مناقشتها منذ عقود بل قرون ماضية.

6 أيها الأساتذة الكرام، سنستمر معكم ومع هيئة خطة اعتراف الأساتذة نقف - جنباً بجنب - في صف واحد في مشاركة المجتمع المحلي والدولي في إحياء الخطاب الديني الجديد

– المذكور أنفا – ولتعلموا بأن لكل واحد منا ومنكم دور في هذا المهام لصياغة الحياة الدينية
الحية والمتفاعلة مع الواقع في سنغافورة.

19 Para Asatizah yang dirahmati Allah, sebelum saya mengundur diri, sepertimana ada pembukanya, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun sebagai penutup bicara:

*Bintang Bercahaya Menemani Rembulan
Pungguk Bertemu Hilang Kerinduan
Bersama Membina Asatizah Berwawasan
Masyarakat Bersatu Berdaya Tahan*

Semoga Allah swt memberkati pertemuan ringkas kita pada petang ini.
Semoga kita bersua lagi di dalam keselamatan dan kesejahteraan.

وبالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته